

PROMOSI PEMAKAIAN KAIN SARUNG, BATIK

Keretapi Sarong #SayangMalaysia 2017 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor tarik 1,000 peserta

RENCANA

Nor 'Asyikin Mat Hayin

asyikin.mat@hmetro.com.my

Kain sarung dan batik cukup sinonim dengan nilai estetika dan kebudayaan Melayu. Satu masa dahulu, peranannya cukup penting dan menjadi antara keperluan masyarakat sebagai pakaian harian.

Tetapi entah di mana silapnya, kain sarung dan batik seperti 'dipandang sepi' terutama generasi muda. Malahan, agak menyedihkan apabila ada di antara mereka tidak mengetahui cara memakainya.

Menyedari perkara itu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menganjurkan program Keretapi Sarong #SayangMalaysia 2017 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, baru-baru ini.

ia diadakan sempena sambutan Hari Malaysia ke-54 yang dirasmikan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Menariknya, program berkenaan berjaya menarik penyertaan kira-kira 1,000 peserta daripada pelbagai peringkat dan latar belakang termasuk masyarakat antarabangsa yang memakai kain itu mengikut kreativiti masing-masing.


Kehadiran peserta antarabangsa seperti dari Kanada, Jerman, Jepun dan Perancis yang langsung tidak menunjukkan rasa kekok memakai kain sarung dan batik menjadikan program itu bertambah unik.

Semua peserta memakai kain sarung dan batik menaiki Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT) bermula dari Subang, Puchong Prima dan stesen LRT Gombak (lalu Kelana Jaya), Stesen LRT Ampang (lalu Ampang) dan stesen MRT Bandar Utama (lalu Sungai Buloh-Kajang) dan berakhir di MRT Muzium Negara.

Peserta dari Perancis, Marian Tertre, 19, berkata,



MARIAN (kiri) bersama rakannya yang juga rakyat tempatan menyertai program Keretapi Sarong #SayangMalaysia 2017.



GELAGAT peserta program Keretapi Sarong #SayangMalaysia 2017.

PESERTA tiba di stesen Muzium Negara.



dia sangat teruja menyertai program berkenaan kerana pertama kali dapat memakai kain batik dalam tempoh lama.

"Sebelum ini, saya pernah lihat kain batik ketika melancong ke Indonesia tetapi tidak cuba memakainya.

"Saya sanggup pakai kain batik untuk program ini kerana ia adalah sesuatu

yang unik. Mula-mula kekok sedikit ketika berjalan dan lama-kelamaan menjadi selesa," katanya yang bekerja di sebuah syarikat swasta di ibu negara sejak empat bulan lalu.

Katanya, dia menyertai program itu atas ajakan rakannya yang juga rakyat tempatan kerana ingin mengetahui lebih banyak budaya rakyat di negara ini.

"Malaysia adalah sebuah negara menarik dan rakyatnya begitu mesra dengan pelancong luar.

"Saya akan menggunakan kesempatan sepanjang berada di negara ini untuk menyertai lebih banyak aktiviti yang membolehkan mengenali Malaysia secara lebih mendalam," katanya.

Seorang lagi peserta,

Muhammad Nur Aizat Johari, 26, berkata, program itu sangat bagus kerana dapat menonjolkan lambang dan identiti negara ini.

"Jika di London terkenal dengan aktiviti 'London No Pants Subway', Malaysia pula perlu ada program seperti ini (Keretapi Sarong #SayangMalaysia).

"Saya berharap program ini dapat diteruskan dan menarik lebih ramai peserta," katanya yang baru menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan mekanikal di Universiti Liverpool.

Mohamed Nazri dalam ucapannya berkata, program itu adalah antara inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia.

"Program ini juga bertujuan menyemai rasa sayang kepada negara dan seterusnya mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat di negara ini.

"Kita seharusnya bangga menjadi rakyat Malaysia dan mengekalkan budaya menghormati antara satu sama lain," katanya.

Katanya, Keretapi Sarong diperkenalkan pada 2012 di Kuala Lumpur dan London

adalah satu program 'flash mob' apabila peserta yang terdiri daripada orang awam beramai-ramai menaiki LRT dan MRT dengan berkain sarung dan batik.

Katanya, pada masa sama ia dapat memupuk dan menyemai semangat #SayangMalaysia menerusi promosi penggunaan produk pengangkutan awam terkini Malaysia iaitu MRT serta pemakaian kain sarung serta batik yang menjadi identiti budaya negara ini.



Saya sanggup pakai kain batik untuk program ini kerana ia adalah sesuatu yang unik. Mula-mula kekok sedikit ketika berjalan dan lama-kelamaan menjadi selesa

MARIAN